



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
PENGERUSI RISDA**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.1 TAHUN 2017 & MAJLIS  
MENANDATANGANI IKRAR INTEGRITI KORPORAT (CIP) BERSAMA SPRM**

**TEMPAT : AUDITORIUM SULTAN AHMAD  
SHAH, IBU PEJABAT RISDA**  
**TARIKH : 24 JANUARI 2017 (SELASA)**  
**MASA : 8.30 Pagi**

## **Salutasi**

- 1. Ybrs.Pengerusi Majlis**
- 2. YBhg. Dato' Zamri bin Yaakob**  
**Pengerusi NARSCO merangkap Ahli Pihak Berkuasa RISDA**
- 3. YBhg.Tn.Hj.Mohd Najib bin A.Samad**  
**Ketua Pengarah RISDA**
- 4. YBhg.Dato'Mohamad Yusoff bin Akope**  
**Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM**
- 5. YBhg.Tn.Hj.Mohd Ihwan bin Sudim**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA**
- 6. Ybhg.Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad**  
**Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA**
- 7. Ybhg.Tn.Hj.Meor Zamnis bin Meor Hassan**  
**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn.Bhd.**
- 8. Ybrs.Tn.Hj.Zainon bin Harun**  
**Pengarah Bahagian Program Khas**  
**merangkap Hos Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.1 Tahun 2017**
- 9. Pengarah-Pengarah Bahagian, Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA**

**10. Pegawai - Pegawai SPRM**

**11. Rakan - rakan Media**

**12. Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat RISDA ini bagi sama-sama menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.1 Tahun 2017 dan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama SPRM. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada YBhg. Dato Mohamad Yusoff bin Akope, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM dan Pegawai - Pegawai SPRM kerana sudi hadir ke RISDA pada pagi ini. Juga ucapan terima kasih kepada pihak Pengurusan RISDA terutama kepada Pengarah Bahagian Program Khas di atas kesudian menjemput saya untuk berucap dan merasmikan perhimpunan pada pagi ini

Warga RISDA yang saya hormati sekalian,

2. Program Rumah Bina Negara yang telah kita laksanakan adalah salah satu usaha kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk membolehkan golongan belia luar bandar memiliki rumah mampu milik. Belia luar bandar yang dimaksudkan adalah belia di bawah selian RISDA ataupun tidak. YB Dato Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri KKLW melalui agenda transformasi kedua luar Bandar telah memberi fokus kepada pemilikan rumah belia luar bandar. Alhamdulillah, dengan sokongan YB Menteri KKLW dan semua pihak yang terlibat, hari ini RISDA telah berjaya menyediakan Rumah Bina Negara (RBN) yang sangat mampu milik dan selesa untuk golongan belia luar bandar.
  
3. Mengikut rekod yang disediakan oleh Bahagian Program Khas, bagi tahun 2016 sejumlah 146 permohonan diterima oleh RISDA seluruh Malaysia untuk RBN dan 100 permohonan telah diluluskan bagi tahun 2016. Tanggungjawab kita tidak terhenti setakat itu sahaja kerana Bajet 2017 yang telah diumumkan oleh YAB Dato Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia baru-baru

ini telah menyaksikan bahawa RISDA dipertanggungjawabkan untuk meneruskan RBN sehingga tahun 2020 dengan peruntukan yang sangat besar iaitu sebanyak RM100 juta. Ini bermakna RISDA perlu membina 5000 unit RBN apabila RMK-11 berakhir kelak. Berita tersebut diterima dengan baik oleh rakyat kerana respons yang diberikan semasa Pameran RISDA di Program NTP KKLW dan Program MAHA baru-baru ini, saya dimaklumkan borang habis diedarkan setiap hari. Rentetan daripada pengumuman Bajet 2017 dan pengamatan rakyat kepada pelaksanaan RBN tahun ini maka permohonan baru yang diterima bagi tahun 2017 adalah sebanyak 367 dan 5 permohonan RBN telah diluluskan. Teruslah berusaha warga RISDA!

4. Saya telah bercerita mengenai matlamat, permohonan dan kelulusan RBN. Di sini, mari kita lihat apakah progres RBN setakat hari ini. Alhamdulillah dari 19 unit RBN yang sedang dilaksanakan, 2 unit RBN telah sempurna pembinaannya dan satu unit telah dirasmikan oleh YB Menteri KKLW di Temerloh, Pahang pada 31 Oktober 2016 yang lalu manakala seunit lagi di Padang Besar, Perlis.

Tahniah saya ucapkan. Diharapkan baki 17 unit RBN tersebut akan selesai dibina menjelang akhir tahun ini supaya pemohon dapat menikmati tinggal di rumah yang baru secepat mungkin. Saya yakin mana-mana program baru dibuat mestilah ada sahaja kesukaran yang dihadapi di peringkat pelaksanaan. Walau bagaimanapun saya berharap, perkara tersebut tidak akan melemahkan semangat kita di akar umbi untuk terus melihat program ini berjaya kita laksanakan.

5. Bagi membantu pekebun kecil getah berhadapan dengan harga getah yang tidak menentu, RISDA telah turut dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) kepada 509,168 orang pekebun kecil seluruh Negara dengan jumlah RM 200 bagi bulan November, Disember dan Januari sepertimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada pembentangan bajet yang lalu. Buat masa ini, pihak RISDA sedang dalam usaha mengemaskini data serta menambahbaik proses saluran peruntukan tersebut kepada pekebun kecil yang layak. Sekiranya semua berjalan dengan lancar, bantuan ini akan disalurkan kelak kepada pekebun kecil yang

berkenaan.

6. Sesungguhnya, program-program yang dianjurkan pada hari ini mencerminkan kesepakatan antara RISDA dan Pekebun Kecil dalam menghayati semangat bekerjasama, demi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasaran. Saya amat berharap kesepakatan ini akan diteruskan dan menjadi budaya kerja positif yang sentiasa diamalkan dan diteruskan oleh semua warga RISDA. Selain itu, pelaksanaan program-program pada hari ini turut berfungsi sebagai satu mekanisme “turun padang” untuk RISDA dalam melestarikan lagi sektor pekebun kecil serta memastikan masalah masyarakat setempat didengari dan diselesaikan dengan cara yang baik serta dapat menghebahkan informasi terkini.
7. Pada hari ini juga, kita bakal menyaksikan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama SPRM. Ia merupakan satu tindakan sukarela oleh sesebuah syarikat korporat di Malaysia sebagai



tanda pengisytiharan awam untuk menyokong usaha pencegahan rasuah di Malaysia sejajar dengan objektif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu “Memerangi Rasuah” di bawah Program Transformasi Kerajaan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Langkah pertama dalam program jangka panjang adalah untuk mewujudkan sistem yang berkesan bagi meningkatkan integriti dalam sektor korporat Malaysia melalui amalan tadbir urus yang baik, termasuk langkah-langkah pencegahan rasuah dan program jangka panjang adalah bertujuan untuk melihat badan-badan korporat bergerak ke arah penilaian sendiri, mengenal pasti jurang dan pelan tindakan untuk menutup jurang tersebut dan akhirnya membuat laporan tentang langkah-langkah pencegahan rasuah kepada SPRM.

8. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pengurusan RISDA atas dedikasi dan kesungguhan untuk menganjurkan perhimpunan ini. Semoga perhimpunan pada hari ini akan menjadi pendorong kepada semua untuk berusaha lebih gigih lagi dalam memantapkan sektor pekebun kecil

negara.

**Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim', saya merasmikan Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.1 Tahun 2017 dan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama SPRM.**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Terima Kasih.**